



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

(SIARAN SEGERA)

KLINIK KESIHATAN GOMBAK SETIA

Laporan bahawa Projek Klinik Kesihatan Gombak Setia dijadual bermula awal tahun ini dan dijangka siap pada penghujung 2016 seperti dilaporkan akhbar Utusan Malaysia 9 Jun 2014, adalah kurang tepat.

Ini berikutan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menerima surat perlantikan sebagai agensi pelaksana bagi projek berkenaan pada 20 Mei 2014 dan JKR telah menyatakan persetujuannya pada 30 Mei 2014.

JKR akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan bagi menentukan skop dan mengenal pasti kaedah bagaimana boleh mempercepatkan pelaksanaan projek.

Ketua Pengarah

Jabatan Kerja Raya Malaysia

9 Jun 2014

7.26 Petang